

ZEMIGLO 50 MG FILM-COATED TABLET

Gemigliptin (50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zemiglo
2. Bagaimana Zemiglo berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zemiglo
4. Cara menggunakan Zemiglo
5. Semasa menggunakan Zemiglo
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zemiglo
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Zemiglo

Zemiglo mengandungi bahan aktif gemigliptin yang termasuk dalam kelas ubat-ubatan yang dikenali sebagai perencat DPP-4 (perencat *dipeptidyl peptidase-4*) yang mengurangkan kandungan gula dalam darah dalam pesakit dewasa yang mengidap diabetes mellitus jenis 2.

Doktor anda akan mempreskripsi ubat ini bagi membantu untuk mengurangkan kandungan gula dalam darah anda yang terlalu tinggi diakibatkan oleh diabetes jenis 2 anda. Ubat ini boleh diambil tanpa ubat lain atau dengan gabungan beberapa ubat lain seperti (*insulin, metformin, sulfonilurea, atau dapagliflozin*) yang mengurangkan kandungan gula dalam darah, yang mungkin anda telah ambil untuk diabetes anda.

Bagaimana Zemiglo berfungsi

Ubat ini membantu untuk meningkatkan kandungan insulin yang dihasilkan selepas makan dan mengurangkan kandungan gula yang dihasilkan oleh badan.

Diabetes Jenis 2 adalah keadaan badan anda yang tidak menghasilkan insulin mencukupi, dan insulin yang dihasilkan oleh badan anda tidak berfungsi sebaik yang sepatut dilakukannya. Badan anda juga boleh menghasilkan terlalu banyak gula. Bila hal ini berlaku, gula (glukosa) akan bertambah dalam darah. Ini boleh mengakibatkan masalah kesihatan yang serius seperti penyakit jantung, penyakit buah pinggang, kebutaan, dan amputasi terpaksa dilakukan.

Sebelum menggunakan Zemiglo

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jangan ambil ubat ini jika:
- anda mempunyai alahan terhadap *gemigliptin* atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

- *Sebelum menggunakan Zemiglo*

Beritahu doktor anda jika anda:

- menghidap diabetes jenis 1
- mempunyai ketoasidosis diabetes (keton yang meningkat di dalam darah atau air kencing)
- mempunyai masalah pada ginjal (buah pinggang), atau masalah kesihatan yang lepas atau yang masih sedang dihadapi
- tindak balas alergi terhadap Zemiglo
- mempunyai simptom pankreatitis (sakit perut yang teruk, berpanjangan)
- sedang hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan anak.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat berikut:

- *metformin, pioglitazone, glimepiride, dapagliflozin, empagliflozin* (rawatan kencing manis)
- *rosuvastatin* (rawatan tahap kolesterol yang tinggi)
- *ketoconazole* (untuk merawat jangkitan kulat atau yis)
- *rifampicin* (untuk merawat jangkitan bakteria)

Cara menggunakan Zemiglo

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa:

Dos makan yang disyorkan ialah:

- satu tablet 50 mg
- sekali sehari
- dimakan bersama-sama atau tanpa makanan

Jika anda mempunyai masalah buah pinggang, doktor anda mungkin memberi dos yang lebih rendah.

Doktor anda boleh memberi ubat ini sahaja atau bersama beberapa ubat lain yang mengurangkan kandungan gula dalam darah.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Berdiet atau bersenam dapat membantu badan anda menggunakan kandungan gula dalam darah dengan lebih baik. Penting untuk kekal berdiet dan bersenam seperti yang disyorkan oleh doktor anda semasa mengguna Zemiglo.

- *Jika anda terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Zemiglo

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Zemiglo.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

ZEMIGLO 50 MG FILM-COATED TABLET

Gemigliptin (50mg)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Zemiglo kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Radang pankreas (pankreatitis)

Radang pankreas (pankreatitis) pernah dilaporkan berlaku dalam kalangan pesakit yang menerima Zemiglo. Pankreatitis boleh menjadi masalah perubatan yang serius dan boleh mengancam nyawa. Berhenti memakan Zemiglo dan hubungilah doktor dengan segera jika anda mengalami sakit perut yang kuat dan berterusan, berserta atau tanpa muntah-muntah, kerana mungkin anda menghidap pankreatitis.

Bullous pemphigoid

Sejenis tindak balas kulit, iaitu bullous pemphigoid yang mungkin memerlukan rawatan di hospital, pernah dilaporkan berlaku pada pesakit yang menerima perencat DPP-4. Beritahu doktor jika kulit anda melepuh atau terurai (terhakis). Doktor mungkin menyuruh anda berhenti menggunakan Zemiglo.

Tindak balas hipersensitiviti

Tindak balas hipersensitiviti termasuk sindrom Stevens-Johnson pernah dilaporkan berlaku pada pesakit yang menerima Zemiglo. Jika tindak balas hipersensitiviti yang teruk mungkin berlaku, doktor anda mungkin memberitahu anda untuk berhenti mengambil Zemiglo dan rawatan alternatif perlu dimulakan.

Artralgia yang teruk dan melumpuhkan

Artralgia yang teruk dan melumpuhkan pernah dilaporkan berlaku pada pesakit yang menerima perencat DPP-4. Beritahu doktor jika anda mengalami simptom artralgia yang teruk dan melumpuhkan. Doktor anda mungkin memberitahu anda untuk berhenti mengambil Zemiglo.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Menggunakan ubat ini dengan gabungan ubat yang dikenali sebagai sulfonilurea atau insulin boleh mengakibatkan hipoglisemia, yang boleh memberi kesan kepada keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan jentera atau bekerja tanpa pertapakan yang selamat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Zemiglo boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan berikut pernah dilaporkan:

- *Gangguan gastrointestinal:* Senak perut, sembelit, cirit-birit, loya, sakit perut bahagian atas, gangguan gastrik, sendawa, pendarahan dalam perut, kandungan asid yang tinggi dalam perut
- *Gangguan am:* Bengkak
- *Jangkitan dan infestasi:* Tahap kandungan bakteria yang tinggi dalam air kencing, keradangan saluran hidung, jangkitan saluran pernafasan atas, jangkitan saluran kencing
- *Ujian:* Peningkatan tahap kreatin dalam darah, ujian fungsi hati tidak normal, peningkatan tahap enzim pankreas, berat menurun, berat meningkat
- *Gangguan metabolisma dan nutrisi:* Kandungan gula dalam darah yang rendah dengan gejala, tahap lemak yang tinggi dalam darah
- *Gangguan otot, tulang dan tisu penghubung:* Sakit sendi, sakit otot
- *Gangguan sistem saraf:* Pening kepala, sakit kepala
- *Gangguan mental:* Sukar tidur
- *Gangguan pernafasan, toraks dan mediastinal:* Hidung berdarah, pneumonia
- *Gangguan kulit dan tisu subkutan:* Dermatitis, tindak balas fotosensitiviti, gatal-gatal, ruam, geligata

Jika mana-mana yang berikut berlaku, berhenti mengambil Zemiglo dan maklumkan dengan segera kepada doktor anda atau pergi ke jabatan kecemasan di hospital yang terdekat anda:

- *Sindrom Stevens Johnson:* Masalah kulit melepuh atau mengelupas yang teruk; pendarahan pada bibir, mata, mulut, hidung dan alat kelamin; bengkak di sekeliling mata, bibir dan muka, ruam yang diakibatkan oleh dedahan kepada cahaya matahari.
- *Pankreatitis:* Keradangan pada pankreas. Simptom termasuk kesakitan yang teruk dan berterusan pada bahagian abdomen (bahagian perut), yang mungkin dirasai sampai ke pinggang, termasuk rasa loya dan muntah.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Zemiglo

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Bentuk limau, berwarna oren, tablet bersalut filem, diukir dengan symbol LG dan corak ombak pada satu sisi dan garis berbelah pada sisi yang lain.

ZEMIGLO 50 MG FILM-COATED TABLET

Gemigliptin (50mg)

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Gemigliptin, 50mg.

- Bahan tidak aktif
 - *Microcrystalline Cellulose (Type 102)*
 - *Microcrystalline Cellulose (Type 101)*
 - *Croscarmellose Sodium*
 - *Stearyl Fumarate Sodium*
 - *Opadry II 85F43172*
 - *Polyvinyl Alcohol*
 - *Titanium Dioxide*
 - *Polyethylene Glycol 3350*
 - *Talc*
 - *FD&C Yellow #6 Sunset Yellow*
 - *FCF Aluminum Lake*
 - *Red Iron Oxide*

- Nombor MAL

MAL25106001AZ

Pengilang

LG Chem, Ltd.
151, Osongsaengmyeong1-ro,
Osong-eup, Heungdeok-gu, Cheongju-si,
Chungcheongbuk-do, Korea.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Marketing Sdn Bhd
(198401005734)
No. 7, Lorong Keluli 1B,
Kawasan Perindustrian Bukit Raja
Selatan,
Seksyen 7, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

15/4/2025.

Nombor siri

NPRA (R1) 25/001